

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 DECEMBER 2016

Usaha kerajaan bantu usahawan India berjaya – PM

UM - 17/12/2016

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menzahirkan rasa gembira melihat usaha kerajaan membantu masyarakat kaum India telah menghasilkan ramai usahawan berjaya.

Beliau berkata, kejayaan itu bukan sekadar angka dalam carta di atas kertas, sebaliknya, hari ini beliau sendiri berjumpa dan mendengar kisah-kisah kejayaan mereka.

“Selepas melancarkan MRT di Damansara (semalam), saya terus menuju ke Klang untuk melakukan lawatan dan bertemu dengan usahawan-usahawan kecil dan sederhana kaum India daripada pelbagai latar belakang.

“Masing-masing dengan kisah kejayaan mengagumkan hasil usaha dan inisiatif kerajaan melalui Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India atau SEED di bawah Jabatan Perdana Menteri,” katanya menerusi catatan di laman blog rasminya, *najibrazak.com* malam semalam.



Waktu Solat



MBSB

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.50	7.10	1.12	4.34	7.08	8.23
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.58	7.19	1.17	4.39	7.10	8.25
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.43	7.06	1.06	4.29	7.03	8.18
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.38	7.00	1.03	4.27	7.03	8.18
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.13	6.36	12.38	4.02	6.38	7.53

Perdana menteri berkata, beliau memulakan lawatan dengan meninjau kilang pembuatan kabel Lotus Cable Industries Sdn. Bhd., dan berbual dengan beberapa pekerja kilang tersebut. - BERNAMA